

Kurang didikan mengenai sikap hormat dan menghargai sesuatu, membuatkan seseorang itu mengamalkan tingkah laku vandalisme.

Pakar Psikologi dan Kaunseling, Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Ruhani Mat Min berkata, vandalisme ialah hasil atau tindakan yang boleh dilihat dan ia berpunca daripada diri sendiri serta kesan interaksi dengan persekitaran.



RUHANI MAT MIN

"Tindakan berkenaan boleh dicegah melalui didikan mengenai sikap hormat dan menghargai," katanya.

Sementara itu, Rohani turut menjelaskan faktor manusia bersikap sedemikian adalah teras utama harta benda awam sering dirosakkan.

"Tingkah laku vandalisme berkait rapat dengan tindakan yang dilakukan hanya untuk seronok, sebab ikut orang atau rakan, lakukan bagi menggambarkan perasaan, marah dan tak puas hati.

"Bagi individu yang melakukan untuk keseronokan, kemungkinan besar dia tidak pasti bahawa vandalisme adalah tingkah laku

KURANG DIDIKAN, HILANG HORMAT



yang salah. Manakala bagi yang ikut kawan perasaan ingin dipunyai oleh kumpulan menyebabkan dia melakukan vandalisme," katanya.

Bahkan bagi individu yang meluahkan perasaan tak puas hati atau marah, persoalananya apa dan siapa yang dia marah? Adakah dengan melakukan tindakan berkenaan boleh menyampaikan maksud

marah atau tak puas hati yang di alami?

Tegasnya, semasa melakukan tingkah laku berkenaan, mereka akan berasa seronok, rasa berkuasa dan boleh buat tindakan yang orang lain tidak buat.

"Vandalisme ini berpunca daripada didikan yang telah dilalui, sama ada di rumah dengan ahli keluarga dan juga di sekolah dengan guru serta rakan.

"Persoalan timbul, sejauh mana pendidikan yang dilalui, mengajar dan mendidik individu mengenai sikap hormat dan menghargai," soalnya.

Rohani turut menjelaskan, vandalisme adalah hasil atau tindakan yang boleh dilihat dan ia berpunca daripada diri serta kesan interaksi dengan persekitaran iaitu orang ramai dan peraturan.

Rakyat Malaysia perlu transformasi minda



HAMPIR 60 tahun kerajaan berusaha menyediakan kemudahan dan prasarana terbaik untuk kemudahan rakyat, namun sejauh manakah ia dihargai dan dimanfaatkan?

Pakar sosial yang juga Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran berkata, jutaan ringgit diperuntukkan oleh kerajaan untuk menyediakan fasiliti unggul setaraf negara maju demi kesenangan rakyat, namun tanpa rasa bersalah ia dirosakkan, disalah guna dan dinodai.

"Perubahan mentaliti dan transformasi minda masyarakat perlu segera dilaksanakan agar negara tidak berdepan kerugian dan mencemarkan imej



MOHAMMAD SHATAR

Malaysia di mata pelancong asing.

"Kita tidak mahu segala wang ringgit yang telah diperuntukkan kerajaan untuk tujuan kemudahan rakyat itu disalah guna dan akhirnya memberikan kesesahan kepada masyarakat.

"Meskipun golongan tangan jahat ini cuma minoriti tetapi masalah yang ditimbulkan ini akan menjejaskan majoriti masyarakat lain, vandalisme patut disekat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Shatar, untuk melahirkan generasi yang mempunyai minda kelas pertama, ia perlu dilaksanakan di

peringkat awal.

"Masalah sikap ini harus ditangani dari akar umbi ibarat untuk menghasilkan buah yang baik ia perlu bermula daripada pemilihan benih yang bagus.

"Jadi untuk mengubah sikap vandalisme di kalangan masyarakat kita perlu fikirkan penyelesaian jangka panjang dengan menyuntik nilai-nilai etika bermula peringkat tadika hingga universiti," jelasnya.

Jelasnya, Malaysia masih belum lagi terlambat untuk mengorak langkah sebagai negara maju bagi merealisasikan Transformasi Nasional 2050 (TN50) jadi usaha ini boleh dimulakan sekarang.

"Kempen-kempen kesedaran dan penguatkuasaan perlu dilaksanakan bermula sekarang.

"Atau sediakan talian aduan bagi melaporkan kes vandalisme kerana langkah ini dapat menjimatkan wang negara untuk pembangunan lain," katanya.

